



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

OPS GEMPUR KHAS DAN SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA Bagi Minggu 14 tahun 2014 (30 Mac hingga 5 April)

Pada minggu ke 14 iaitu bagi tempoh 30 Mac hingga 5 April 2014, sejumlah 1,151 kes telah dilaporkan, menurun 21.4% (314 kes) berbanding 1,465 kes yang dilaporkan pada minggu sebelumnya. Terdapat enam (6) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Perak 16 kes (18%), Negeri Sembilan 12 kes (52%), Sabah 11 kes (100%), Kedah 4 kes (50%), Kelantan 6 kes (6%) dan Pahang 3 kes (17%).

Dari Januari hingga 5 April 2014, kes denggi yang dilaporkan di seluruh negara adalah 26,249 kes meningkat 298% atau 19,651 kes daripada jumlah kes yang dilaporkan pada tempoh yang sama tahun 2013 iaitu 6,598 kes. Negeri Selangor melaporkan sebanyak 14,654 kes iaitu 55.8% daripada keseluruhan kes di Malaysia. Manakala Daerah Petaling mencatatkan 41.5 % kes dari keseluruhan kes di Negeri Selangor dan 23.2% kes bagi keseluruhan di Malaysia.

Sejumlah 63 kematian direkodkan di seluruh negara berbanding dengan 14 kematian dalam tempoh yang sama tahun 2013 dan Negeri Selangor melaporkan kes kematian tertinggi iaitu 25 kematian (39.7%). Manakala Daerah Petaling mencatatkan 8 kes kematian (32%) dari keseluruhan kes di Negeri Selangor dan 12.6% bagi keseluruhan di Malaysia dalam tempoh 14 minggu tahun ini .

Untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dalam menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes, aktiviti penguatkuasaan sentiasa dijalankan. Dari Januari sehingga 22 Mac 2014, sebanyak 1,213,832 premis telah diperiksa di seluruh negara dan sebanyak 3,061 kompaun telah dikeluarkan terhadap premis yang membiak Aedes dengan nilai berjumlah RM 1,530,500. Bagi negeri Selangor sejumlah 142,460 premis telah diperiksa dan 631 kompaun telah dikeluarkan bernilai RM 315,500 manakala bagi daerah Petaling sahaja 58,215 premis telah diperiksa dan 252 kompaun telah dikeluarkan bernilai RM 126,000.

Pada hari ini (8 April 2014), Ops Gempur Khas Tapak Pembinaan dijalankan secara serentak di seluruh negara untuk memberi kesedaran kepada pemaju-pemaju tapak pembinaan agar membersihkan dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di tapak pembinaan masing-masing.

Pihak KKM juga telah mengeluarkan Garis Panduan Pengawalan Nyamuk Aedes di Tapak-Tapak Pembinaan yang boleh diperolehi melalui portal MOH di alamat <http://www.infosihat.gov> untuk dijadikan panduan oleh pemaju-pemaju tapak pembinaan. Tanggungjawab menghapuskan tempat pembiakan perlu diberi perhatian oleh semua pihak termasuk pengusaha tapak binaan kerana nyamuk Aedes boleh terbang tanpa sempadan dan menyebabkan jangkitan kepada masyarakat setempat. Laksanakan tanggungjawab kita untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes.

**DATUK DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

8 April 2014

SITUASI DENGGI DI MALAYSIA DARI JANUARI SEHINGGA 5 APRIL 2014

Bil	Negeri	Jumlah Kes Terkumpul Jan. sehingga 5 April 2014		Jumlah Kes Terkumpul untuk tempoh sama bagi 2013	
		KES	KEMATIAN	KES	KEMATIAN
1	Perlis	57	0	44	0
2	Kedah	199	2	200	1
3	Penang	582	3	200	0
4	Perak	1,844	5	565	0
5	Selangor	14,654	25	2,847	1
6	WPKL & Putrajaya	2,342	4	499	3
7	N Sembilan	1,391	2	125	0
8	Melaka	855	3	132	0
9	Johor	1,595	12	623	6
10	Pahang	338	0	163	0
11	Terengganu	251	1	55	0
12	Kelantan	1,445	4	380	0
13	Sarawak	332	2	538	2
14	Sabah	359	0	227	1
15	WP Labuan	5	0	0	0
	Malaysia	26,249	63	6,598	14

**SENARAI DAERAH/LOKALITI TERLIBAT OPS GEMBUR KHAS TAPAK BINAAN
PADA 8 APRIL 2014**

BIL.	NEGERI	DAERAH/LOKALITI TERLIBAT
1.	Selangor	Petaling
2.	Wilayah Persekutuan KL&Putrajaya	Lembah Pantai
3.	Negeri Sembilan	Seremban
4.	Melaka	Melaka Tengah
5.	Pulau Pinang	George Town
6.	Perak	Ipoh
7.	Johor	Johor Bharu
8.	Kedah	Alor Setor
9.	Pahang	Kuantan
10.	Kelantan	Kota Bharu
11.	Terengganu	Kuala Terengganu
12.	Perlis	Kangar
13.	Sabah	Kota Kinabalu
14.	Sarawak	Kuching
15.	WP Labuan	Labuan

**KEDUDUKAN 10 PREMIS TERTINGGI MEMPUNYAI PEMBIAKAN AEDES
BAGI TAHUN 2014**

BIL.	JENIS PREMIS	% PEMBIAKAN
1.	Rumah	8,872 (58.9%)
2.	Tanah/Lot Kosong	2,611 (17.3%)
3.	Tempat Pembuangan Sampah	795 (5.3%)
4.	Tapak Binaan	465 (3.1%)
5.	Taman Permainan/Rekreasi	157 (1.04%)
6.	Kilang	130 (0.9%)
7.	Sekolah	111 (0.7%)
8.	Tempat Ibadat	76 (0.5%)
9.	P/Rumah Terbengkalai	25 (0.2%)
10.	Pejabat Kerajaan	18 (0.11)

Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 05 April 2014 (Mg 14)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	221	293
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1-Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	223	272
3	SELANGOR	Petaling	PJU 8 Apartment Flora Damansara 2 (Blok C, D, E, F)	41	133
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Pangsapuri Baiduri	26	131
5	SELANGOR	Petaling	Taman Kinrara 3 (Vista Lavender)	76	124
6	SELANGOR	Petaling	Taman Lestari Perdana (Pangsapuri Seri Indah)	20	97
7	SELANGOR	Petaling	PJS 2C Flat Taman Medan Cahaya	25	93
8	SELANGOR	Hulu Langat	KUIS	16	76
9	SELANGOR	Petaling	Taman Puchong Perdana (Vista Millennium)	10	72
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat C (Blok 44 - Blok 51)	28	69
11	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Perkasa Hulu Langat	24	68
12	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan BM 11-27 Taman Bukit Mewah	14	67
13	N. SEMBILAN	Seremban	Vision Homes	23	63
14	SELANGOR	Gombak	Rumah Kedai Batu Caves Centre Point	13	58
15	SELANGOR	Gombak	Tmn Desa Jaya Zon 5	8	57

16	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Alam Jaya	8	52
17	SELANGOR	Petaling	PJS 3 Flat Taman Sri Manja	8	48
18	SELANGOR	Gombak	Bandar Tasik Puteri Fasa 7A (Zon 2)	17	47
19	SELANGOR	Gombak	Flat Prima Selayang	7	46
20	SELANGOR	Petaling	Seksyen U16 Bukit Subang Teres B	13	46
21	SELANGOR	Petaling	PJU 3 Kondo Palm Spring 2 (Blok D, E, & F)	7	46
22	SELANGOR	Gombak	Bandar Tasik Puteri GV 5	11	43
23	SELANGOR	Hulu Langat	Grandner Tower Pandan Indah	9	43
24	WPKL	Lembah Pantai	Taman Oug (Jalan Hujan Gerimis)	7	43
25	SELANGOR	Petaling	Bandar Puteri 7 (Teres)	9	41
26	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 Flat Pkns A (Blok 1 - Blok 4)	6	40
27	N. SEMBILAN	Seremban	Persada Damai Enstek	8	40
28	KELANTAN	Kota Bharu	Panchur	11	40
29	SELANGOR	Hulu Langat	Hostel Gmi Bangi	18	39
30	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 Flat J	6	38
31	SELANGOR	Petaling	PJS 8 Apartment Damai	6	38
32	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Apartment Perdana)	7	36
33	SELANGOR	Gombak	Rawang Perdana 8 Zon 2	5	34
34	P.PINANG	Seberang Perai Tengah	Taman Desa Damai	14	34
35	WPKL	Lembah Pantai	Flat Taman Gembira	4	33
36	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Cheras Prima	6	32
37	SELANGOR	Gombak	AU 3 Tmn Keramat Zon 6 (Flat)	5	31
38	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 Uitm Puncak Perdana	6	31